

TRANSKRIP "ISTIADAT PEMASYHURAN PRO-CANSELOR & KONVOKESYEN KE-14, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK), 2024"

Naib Canselor (Profesor Teknologis Dr. Arham bin Abdullah):

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Malaysia UMK For You, satu hati satu jiwa. Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala atas segala limpah kurnia dan rahmat-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahualaihiwasallam, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Pengurusan tertinggi, ahli-ahli Senat, para Profesor, barisan Pensyarah, para graduan yang diraikan, para ibu bapa, para tetamu jemputan, dan hadirin sekalian. Alhamdulillah, dengan izin Allah jua, kita dapat bersama dalam majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan kali ke-14 pada hari yang penuh bermakna ini. Indah sungguh cahaya purnama, indah lagi akhlak mulia. 18 tahun UMK di persada, menyumbang bakti mengukir nama. Ilmu cerminan persona berwibawa, adab cerminan sahsiah dikara. Graduan UMK Insan Bitara, menabur jasa membina negara.

Para hadirin sekalian, sejak konvokesyen kali pertama pada tahun 2011 hingga konvokesyen kali ke-13 pada tahun 2023, UMK telah melahirkan seramai 20,663 orang graduan yang telah diisytiharkan sebagai alumni UMK. Pada Istiadat Konvokesyen kali ini, UMK meraikan seramai 3,014 orang graduan yang bakal menerima ijazah masing-masing, iaitu 53 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, empat orang graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 139 orang graduan Ijazah Sarjana, dan 2,818 orang graduan Ijazah Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, seramai 59 orang graduan merupakan pelajar antarabangsa dari lapan buah negara iaitu Indonesia, China, Nigeria, India, Palestin, Ghana, Gini, dan Somalia. Para graduan diraikan dalam tujuh sidang yang bermula pada 5 Mei hingga 8 Mei 2025. Setelah 18 tahun UMK beroperasi, jumlah keseluruhan graduan yang telah dilahirkan adalah seramai 23,677 orang. Bagi sidang keempat hari ini, majlis akan meraikan seramai 446 orang graduan, iaitu 71 orang graduan dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, 73 orang graduan dari Fakulti Seni Bina dan Ekistik, dan 302 orang graduan dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan. Istimewanya, pada sidang hari ini, UMK meraikan 57 orang graduan sulong program pengajian Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris Kepujian dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan.

Para hadirin yang saya hormati, bersempena dengan Majlis Istiadat Konvokesyen ke-14 kali ini, izinkan saya berkongsi mengenai pencapaian utama Universiti Malaysia Kelantan bagi tahun 2024. Alhamdulillah, pada tahun 2024, UMK berada pada kedudukan 401 hingga 600 dalam penarafan THE Global Impact Ranking 2024. Pada peringkat Asia, UMK berada pada kedudukan 501 hingga 600 dalam penarafan THE World University Ranking Asia 2024, yang menempatkan UMK sebaris dengan universiti bertaraf dunia di benua Asia. Terbaru, UMK telah berjaya tersenarai buat pertama kali dan mengungguli kedudukan Top 5 in Malaysia dalam penarafan THE Interdisciplinary Science Ranking, iaitu pada posisi 201 hingga 250 sehingga 23 Februari 2025. Data kadar bekerja graduan UMK 2024 menunjukkan pencapaian 97.22%, manakala kadar kebolehpasaran graduan UMK 2024 berada pada tahap 96.7%. Peratus usahawan graduan UMK 2024 pula pada kadar 12.21%, antara tertinggi di Malaysia. Terbaru, UMK telah menerima anugerah berprestij 2025 Employer Choice melalui inisiatif 2025 Talent Bank National Graduate Employability Index. Penarafan enam bintang dianugerahkan kepada empat program, iaitu Pengurusan Hospitaliti, Pelancongan, Logistik, dan Pengajian Bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa UMK berada pada landasan yang jelas dan tepat dalam usaha mencapai misi sebagai Keusahawanan Terunggul ASEAN pada 2026 dan Asia pada 2030.

Para hadirin yang saya kasihi, dalam konteks pencapaian fakulti, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan mencatat kadar kebolehpasaran graduan 100% bagi graduan sulung program Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris Kepujian. Pasukan ahli akademik FBI telah memperolehi tempat ketiga Anugerah Khas Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi Reka Bentuk Kurikulum dan Pencapaian Inovatif (AKRI) 2024 bagi kategori pentaksiran alternatif. Manakala pensyarah FBI, Dr. Suhaida Omar, dilantik sebagai profesor pelawat di Industrial University of Ho Chi Minh City, Vietnam. Kolaborasi strategik dalam bidang akademik antara FBI dan Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) telah berjaya melahirkan 14 orang graduan Sarjana Komunikasi Perniagaan dalam kalangan staf sepenuh masa ITBM. Terima kasih Yang Berusaha Encik Sakri bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, yang turut hadir meraikan para graduan pada hari ini.

Terima kasih Fakulti Seni Bina dan Ekistik melalui Jabatan Seni Bina Dalaman yang telah dianugerahkan Best Outing University College Asia Young Designer Awards (AIDA) 2024, manakala Jabatan Seni Bina Landskap telah dianugerahkan Excellent Award Professional Kategori Landscape Analysis and Study Awards menerusi perundingan bagi projek cadangan pembangunan Landskap Perbandaran Kota Bharu, Kelantan. Pensyarah FSE, Dr. Nordiana binti Mustafa, telah menerima geran FRGS bernilai RM139,960, dan Dr. Norhamizah binti Abdul Hamid telah dinobatkan sebagai naib

johan bagi projek inovasi banjaran di dalam pertandingan Reka Bentuk From Wastes to Wealth Innovation War 2024. Mahasiswa FSE, saudara Mohamad Amir Shahmin bin Mohamad Nordin, pula telah dianugerahkan PAM Yayasan Feruni Scholarship Award 2024 sebanyak RM12,500.

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK) telah berjaya memperoleh akreditasi antarabangsa daripada Institute of Hospitality yang berbekalan di England bagi program pengajian Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian dalam bidang Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, iaitu Pengurusan Spa. Pencapaian ini disusuli dengan keunggulan ahli akademik FHPK yang telah berjaya memperoleh geran kebudayaan ASEAN dari MOTEC berjumlah RM500,000 bagi projek Sustainability in the Creative and Cultural Industries Program ASEAN and Beyond 2024. Manakala saudari Nurul Najiha Shafie, alumni FHPK, telah merangkul dua anugerah berprestij, Young Rising Star dan Most Outstanding Hotel Employee 2024 for Kelantan Chapter pada Majlis Gilang Gemilang Malaysia Association of Hotel 50th Anniversary Gala Dinner and Awards. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga FBI, FSE, dan FHPK atas pencapaian yang amat membanggakan ini.

Para hadirin sekalian, begitulah secara ringkas sorotan pencapaian utama Universiti Malaysia Kelantan yang boleh saya kongsi untuk makluman para hadirin sekalian. Sekalung tahniah diucapkan kepada para graduan sekalian. Tidak lupa kepada ibu bapa, barisan pensyarah, kakitangan pentadbiran dan sokongan, serta semua pihak yang telah memainkan peranan signifikan dalam mendidik serta membina kementrian graduan yang dilahirkan pada hari ini.

Saya ingin berpesan pada graduan sekalian dengan beberapa mutiara nasihat, pertama, graduan UMK perlu menjadi contoh teladan yang baik dalam masyarakat dengan ciri-ciri integriti, amanah, bertanggungjawab, berketerampilan, dan responsif. Kedua, graduan UMK seharusnya mempunyai tekad yang tinggi dan sentiasa bersedia untuk menyumbang secara langsung kepada masyarakat melalui pemindahan ilmu, kemahiran, serta kepakaran masing-masing dalam usaha mengangkat taraf hidup masyarakat. Ketiga, graduan UMK sebagai alumni mesti membina hubungan yang kukuh dengan Alma Mater. Kalian harus kembali menyumbang kepada UMK tercinta dan sama-sama berikhtiar secara kolektif demi memartabatkan UMK ke tahap yang lebih gemilang. Keempat, peribahasa Melayu menyebut, "Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang." Wahai graduan UMK, jadilah insan tawaduk yang memiliki kerendahan hati meskipun diri kalian sarat

dengan ilmu dan pengalaman. Cerminan karamah insaniah bermula dengan jiwa yang tunduk kepada Tuhan Yang Maha Kaya.

Para hadirin yang saya kasihi, pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UMK, Pengurusan Tertinggi, Ahli Senat, dan seluruh warga UMK yang tekad menjayakan misi UMK sebagai misi keusahawanan terunggul. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pihak istana negeri, ahli-ahli korporat, para alumni, rakan-rakan media, tetamu jemputan yang hadir, dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Para hadirin sekalian, sebagai penutup, saya memanjatkan doa ke hadrat Ilahi. Semoga Allah Subhanahu Wa Taala memberkati majlis Istiadat Konvokesyen UMK kali ini dan mudah-mudahan seluruh warga kerja UMK dan hadirin semua sentiasa dalam inayah Allah Subhanahu Wa Taala jua. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.